



## PENGLIBATAN BELIA DALAM PILIHANRAYA UMUM KE-15 DI MALAYSIA: BENTUK DAN INSENTIF

*(Youth Political Activism in the Malaysia 15<sup>th</sup> General Election: Forms and Incentives)*

Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar<sup>1\*</sup>, Hamdan Mohd. Razali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Law and International Relations, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Malaysia

<sup>2</sup>Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [rohilaganti@unisza.edu.my](mailto:rohilaganti@unisza.edu.my)

Received: 8 October 2025 • Accepted: 24 October 2025 • Published: 31 October 2025

### **Abstract**

*In the lead-up to the 15th general election, political observers predicted low electoral turnouts among youth, particularly within the 18-24 age cohort, attributed to a pervasive sense of political fatigue borne from unrestrained political and economic developments between 2018 and 2022. The perception of politics as corrupted and politicians as insincere had ostensibly alienated young voters. Contravening these expectations, not only did young voters exhibit high turnout rates in the 15th general election, but they also actively participated in vote canvassing, challenging the narrative of youth disengagement. This study, anchored in the General Incentives Model (GIM), draws on in-depth interviews with 16 youth party activists to explore the motives behind their distinct engagement and the incentives they received when participating in politics. It uncovers that young activists leveraged TikTok to create impactful campaign content that not only addressed criticisms of their parties but also cast a spotlight on the failings of their adversaries, reaching a broad audience without the expectation of material compensation. Their involvement was driven by a blend of collective and expressive incentives, marking a difference in both form and motivation from older activists. This investigation into the resurgence of youth participation offers critical insights into the changing landscape of political engagement, underscoring the strategies and motivations propelling young voters to the forefront of electoral politics.*

**Keywords:** Party Activists, Youth, PAS, UMNO, Political Participation, Tik Tok, 15<sup>th</sup> General Election

### **Abstrak**

Menjelang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), pemerhati politik meramalkan kadar keluar mengundi yang rendah dalam kalangan belia, khususnya bagi kumpulan pengundi berusia 18 hingga 24 tahun. Jangkaan ini berpunca daripada keletihan politik akibat ketidakstabilan politik dan ekonomi yang berlarutan tanpa

kawalan dalam tempoh 2018 hingga 2022. Persepsi bahawa politik itu korup dan ahli politik bersifat gila kuasa telah menjauhkan golongan muda daripada politik. Namun, bertentangan dengan ramalan tersebut, belia bukan sahaja mencatatkan kadar keluar mengundi yang tinggi dalam PRU15, mereka turut terlibat aktif dalam kempen pilihanraya, sekali gus mencabar naratif bahawa golongan muda bersikap apati terhadap politik. Berteraskan Model Insentif Umum, kajian ini menemubual 16 aktivis muda parti politik bagi meneroka bentuk-bentuk penglibatan serta insentif yang diterima daripada penyertaan mereka dalam proses politik dan demokrasi. Kajian ini mendapati bahawa aktivis muda yang didorong oleh faktor keluarga telah memanfaatkan TikTok sebagai platform utama untuk menghasilkan kandungan kempen yang berimpak tinggi. Mereka bukan sahaja menggunakan media ini untuk menjawab kritikan terhadap parti yang disokong, malah turut mendedahkan sisi buruk lawan politik mereka, sekali gus menyebarkan mesej kepada khalayak dengan penuh kreativiti. Apa yang lebih signifikan, keterlibatan mereka tidak didorong oleh ganjaran material, tetapi berpaksikan insentif kolektif dan ekspresif. Penemuan ini menunjukkan perbezaan ketara dari segi motivasi penglibatan politik belia berbanding aktivis parti yang lebih berusia.

**Kata kunci:** Aktivis Parti; Belia; PAS; UMNO; Partisipasi Politik; Tik Tok; Pilihan Raya Umum ke-15

**Cite as:** Wan Abdul Ghapar, W.R.G, & Mohd. Razali, H. (2025). Youth Political Activism in the Malaysia 15<sup>th</sup> General Election: Forms and Incentives. *Asian People Journal*, 8(2), 207-220.

## PENDAHULUAN

Pada tahun 2021, Parlimen Malaysia telah meluluskan secara sebulat suara Rang Undang-undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 untuk (i) menurunkan umur mengundi negara daripada 21 tahun kepada 18 tahun, (ii) membenarkan pendaftaran pengundi secara automatik dan (iii) menurunkan umur calon bertanding pilihan raya kepada 18 tahun. Dikenali sebagai UNDI18, ini merupakan manifestasi komitmen Malaysia untuk memperkasa suara belia dan meluaskan ruang demokrasi di negara ini. Selain itu, usaha ini juga selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Belia Negara yang bertujuan melahirkan belia yang aktif berpartisipasi dan matang politik.

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) menyaksikan dua juta pengundi baharu berumur 18-21 tahun dibenarkan mengundi buat kali pertama. Demografi kumpulan pengundi ini adalah lepasan sekolah menengah dan sedang melanjutkan pelajaran di universiti awam atau swasta, manakala sebahagian lagi mengikuti kursus teknikal jangka pendek di politeknik kerajaan atau pusat-pusat latihan. Selebihnya memilih untuk terus bekerja berbekalkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Secara asasnya, mereka masih bergantung kepada ibu bapa, belum berkahwin dan tiada pendedahan sosio-ekonomi yang meluas.

Walaupun UNDI18 disambut baik sebagai keputusan berani oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang menerajui Kerajaan ketika itu, pemerhati politik meragui kebolehan kognitif belia berumur 18-21 tahun untuk membuat keputusan politik. Kajian mengenai kesedaran belia terhadap kupasan demokrasi dan governan di Malaysia mendapati belia kurang berminat dengan topik berkaitan pilihan raya, pendemokrasian, pemilihan pemimpin berkualiti, dan isu semasa (Lee, 2020; Nizah & Sharif, 2020). Selain itu, dapatan dari World Value Survey - Malaysia Chapter (2010-2014) mendapati terdapat jurang yang besar antara penyertaan politik belia (65.4%) dan dewasa (92.5%). Data ini diperkuat lagi dengan kadar keluar mengundi dalam kalangan kumpulan

belia (21-35 tahun) pada PRU14 yang jauh lebih rendah berbanding kohort berusia 40-59, 60-79 dan 80 tahun ke atas. Pilihan raya negeri Melaka dan Johor pada November 2021 dan Mac 2022 juga mencatatkan kadar keluar mengundi yang rendah dalam kalangan belia (21-35 tahun); iaitu hanya 5 peratus sahaja.

## SOROTAN LITERATUR

Sifat apati politik dalam kalangan belia membimbangkan pemegang taruh politik Malaysia. Secara hipotesis, jika kumpulan belia berumur 21-35 tahun mencatatkan kadar keluar mengundi yang rendah, golongan belia baru dalam kumpulan 18-21 tahun dijangka akan mencatatkan kadar yang lebih rendah. Pada siri-siri pilihanraya sebelum ini, keputusan pilihan raya mudah dijangkakan oleh pemerhati politik kerana kecenderungan pengundi dipengaruhi secara langsung oleh isu-isu ekonomi, sentimen agama, dan polarisasi etnik. Dengan kehadiran pengundi muda 18-21 tahun dalam jumlah yang signifikan, pemerhati politik menjangkakan perubahan besar dalam tren pengundian Malaysia. Pengundi muda ini baru sahaja meninggalkan sekolah menengah, tidak dibebani dengan permasalahan ekonomi negara kerana mereka masih bergantung kepada ibu bapa, tidak berbelanja di pasar dan tidak peka akan kenaikan harga barangan asas, inflasi, tidak pernah mengisi minyak kenderaan sendiri, dan tidak pernah mengalami situasi dibayar upah kerja dengan tidak setimpal di tempat kerja (Othman, Ibrahim & Esa, 2022; Joni, Tajuddin & Bahari, 2024).

Fokus utama mereka adalah mendapatkan tempat di universiti dan kursus yang sesuai dengan keputusan SPM mereka. Kecenderungan politik dan kehendak mereka masih kabur. Kajian terdahulu juga mendapati bahawa belia bukan sahaja mempunyai minat politik yang rendah, tetapi mereka juga tidak jelas bagaimana sistem politik di Malaysia berfungsi. Kajian mendapati hanya 27% pelajar universiti di Malaysia yang mendaftar sebagai pengundi sebelum PRU14 (Noor & Besar, 2020), sekaligus menyokong premis kepada hipotesis bahawa anak muda berpendidikan atau tidak berpendidikan tinggi, kedua-duanya bersifat apati politik.

Tohorna pengetahuan politik dan lemahnya kesedaran politik belia menyebabkan mereka menjadi mangsa kepada propaganda politik di media sosial. Selain itu, undi mereka mudah dipengaruhi oleh keluarga mereka (Ezani & Hasan, 2024; Waikar, 2020). Keadaan yang membimbangkan ini bertentangan dengan objektif UNDI18 itu sendiri yakni untuk melahirkan belia yang matang dan berpartisipasi dalam ruang demokrasi dengan pendirian rasional. Masalah utama kepada apati politik didapati berpunca dari ketiadaan modul kenegaraan yang bersistematik atau silibus yang interaktif yang secara langsung menyentuh politik, demokrasi dan hal-ehwal negara di peringkat sekolah (Halim et al., 2020; Noor & Besar, 2020). Tidak dapat dinafikan, subjek Sejarah telah diwajibkan lulus untuk semua calon Sijil Pelajaran Malaysia. Namun, pelajar mempelajari sejarah bagi tujuan lulus peperiksaan sahaja. Malah kajian Samsuddin dan Shahrudin (2012) menyimpulkan bahawa kandungan subjek Sejarah bukan bermatlamat untuk memberi kefahaman tentang proses demokrasi, pilihanraya dan governans di Malaysia.

### ***Kerangka Model Insentif Umum***

Model Insentif Umum (The General Incentives Model) menyifatkan penyertaan aktif seseorang individu dalam politik adalah dipandu oleh insentif-insentif tertentu (Fisher et al., 2014; Haute & Gauja, 2015; Jali et al., 2009; Whiteley & Seyd, 2002). Model ini dianggap sebagai model yang komprehensif kerana ia menambah motif afektif, keprihatinan moral, dan norma sosial yang tidak dibincangkan oleh teori penyertaan politik lain seperti teori Pilihan Rasional (*The Rational Choice theory*) dan teori Sukarelawan Sivik (*Civic Volunteerism Model*).

Model Insentif Umum mencadangkan tujuh insentif yang memotivasikan individu untuk terlibat aktif dalam politik (Whiteley & Seyd, 2002). Insentif pertama ialah insentif proses pilihan (*selective process*). Ini dikenali sebagai kepuasan psikologi yang diperoleh daripada proses penyertaan politik itu sendiri. Nilai hiburan yang diperoleh daripada terlibat dalam aktiviti politik seperti peluang untuk bertemu dengan orang yang berkongsi ideologi, kepuasan menyertai pelbagai aktiviti politik, mempelajari proses politik secara praktikal dan mendapat akses kepada maklumat politik yang lebih awal dari orang awam. Mereka menikmati sanjungan, kekaguman dan status yang berbeza di mata masyarakat ekoran penglibatan mereka dalam politik kepartian. Insentif kedua ialah insentif hasil selektif (*selective outcome*). Ini adalah hasil positif daripada menjadi aktivis parti yang komited, yang diterjemahkan dalam bentuk material seperti memperoleh jawatan lantikan politik, membina kerjaya sepenuh masa dalam politik dan memperoleh projek atau kontrak Kerajaan. Dibesarkan dalam keluarga yang aktif berpolitik turut memberi motivasi kepada individu untuk mengikut jejak langkah ekoran dari norma dan pengalaman peribadi yang ditimba sejak kecil. Insentif ini dikenali sebagai insentif norma (*normative incentive*) (Weldon, 2006; Whiteley & Seyd, 2002).

Insentif seterusnya ialah insentif kolektif (*collective*). Aktivis parti didorong untuk aktif dalam sesebuah parti politik jika parti tersebut memperjuangkan dasar atau mengambil tindakan yang selari dengan kehendak peribadinya (Whiteley & Seyd, 2002). Seseorang juga memilih untuk aktif kerana tarikan insentif afektif (*affective incentive*), berasaskan dasar sesebuah parti yang akan merealisasikan polisi yang selaras dengan tuntutan seperti menegakkan hukum hudud di Malaysia atau memperkasa dasar sama rata, dan dalam masa yang sama, mereka memilih untuk aktif menggunakan platform parti tersebut kerana menentang parti lain yang menolak untuk menegakkan hukum hudud di Malaysia atau parti yang memperjuangkan keistimewaan sesuatu kaum. Insentif kolektif sering diperoleh sekali dengan insentif ideologi (*ideology*). Ideologi, manifesto dan perlembagaan parti adalah faktor yang mendorong seseorang untuk terlibat dengan aktif berbanding mereka yang mempunyai afiliasi yang rendah dengan dasar parti.

### **Tipologi Aktivisme Parti Politik**

Untuk memudahkan pemahaman tentang aktivisme parti, Marsh (1990) telah menyenaraikan 11 bentuk aktiviti politik yang melibatkan aktivis parti. Aktiviti ini dikelompokkan kepada tiga dimensi utama aktivisme politik. Dimensi pertama adalah aktivisme konvensional, yang merangkumi hubungan baik dengan ahli politik, menghadiri mesyuarat parti, dan menyertai kempen-kempen pilihan raya secara intensif. Penyertaan dalam mogok, unjuk rasa, demonstrasi aman yang sah dan menandatangani petisyen termasuk dalam dimensi kedua, yang dikenali sebagai protes mengikut lunas undang-undang. Dimensi terakhir, yang dikenali sebagai protes haram, merangkumi tawanan bangunan, menutup jalan raya, menghasut rakyat menyertai mogok lapar, dan mogok haram.

Perlu difahami bahawa aktivisme politik melibatkan aktiviti politik berintensiti tinggi adalah tidak dilakukan oleh ahli parti biasa dan penyokong parti. Mereka mengambil bahagian dalam aktiviti politik konvensional dan tidak konvensional seperti menyertai demonstrasi yang sah, memboikot produk tertentu sebagai tanda protes, menandatangani petisyen, menjadi wakil komuniti yang diperlukan untuk menterjemah dasar parti, menghubungi pegawai pusat khidmat parti, wakil rakyat, dan agensi kerajaan untuk membangkitkan isu komuniti, serta menyelaraskan proses pendidikan politik setempat. Parti memerlukan penglibatan aktivis parti di peringkat akar umbi untuk memberi pemahaman mengenai idea, tradisi, pendirian, dan komitmen parti ke atas sesuatu isu. Memiliki ketumbukan aktivis jelas mampu membantu parti memenangi pilihan raya dan memastikan sokongan berterusan daripada pengundi yang parti tersebut.

Haute dan Gauja (2015) menambah tujuh lagi bentuk penglibatan berintensiti tinggi antaranya merekrut penyokong parti baharu dan menyediakan latihan asas perkaderan parti bagi tujuan kempen dan gerak kerja pilihan raya, mengawal pengundi yang berpotensi agar tidak lari ke parti lain, menjadi jurucakap atau duta parti dan memobilisasi pengundi ke program parti. Selain menyelaras hal ehwal pengurusan kempen pilihan raya seperti jadual lawatan calon, perbelanjaan kempen, jadual bertugas pekerja parti, serta penyelarasan aktiviti sepanjang tempoh kempen pilihanraya, mereka juga menjaga kesemua saluran media sosial parti. Kandungan media sosial perlu memenuhi tuntutan pengundi pelbagai peringkat umur seperti pengundi dewasa cenderung kepada penulisan panjang di Facebook, manakala pengundi muda berkumpul di laman X dan lebih selesa dengan penulisan ringkas dan video pendek (Mulakala, 2021).

Aktivis di spektrum kiri didapati lebih aktif berbanding ahli di spektrum kanan. Mereka lebih cenderung untuk berlawan hujah di media sosial, menyertai demonstrasi dan bangga menunjukkan penyertaan mereka dalam aktiviti kepartian. Mereka kurang cenderung untuk berkempen secara konvensional dan jarang terlibat dengan kerja pilihanraya di lapangan. Mereka juga menganggap diri mereka jauh dari kerajaan semasa, dan membangkang apa sahaja polisi dan tindak-tanduk Kerajaan (Meer, Deth, & Scheepers, 2009). Wauters (2016) menambah aktivis parti dari parti pro-kerajaan cenderung memilih saluran parti untuk mempengaruhi keputusan Kerajaan kerana mereka mempunyai saluran terus kepada pembuat dasar negara. Mereka menolak sebarang bentuk demonstrasi dan tindakan provokatif kerana tindakan ini hanyalah untuk populariti dan keternampakan parti sahaja.

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual mendalam secara bersemuka. Informan dipilih menggunakan kaedah persampelan terarah. Penyelidik meneliti akaun media sosial rasmi milik Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam se-Malaysia (PAS) untuk mengesan aktivis parti belia yang aktif dan kerap memberi komen serta tanda suka terhadap setiap kandungan yang dimuatnaik di media sosial parti. Susulan dari proses ini, penyelidik menyemak maklumat informan menerusi akaun Facebook peribadi mereka bagi meverifikasi penglibatan aktif mereka dalam parti politik. Verifikasi adalah berdasarkan kekerapan dan isi kandungan yang mereka muatnaik di laman sosial tersebut. Mesej peribadi (*direct message*) dihantar kepada lebih daripada 50 informan yang berpotensi, namun hanya 16 yang menyatakan persetujuan untuk ditemu bual. Mereka terdiri daripada sepuluh aktivis parti lelaki dan enam aktivis parti wanita, berumur antara 19 hingga 25 tahun. Kesemua mereka merupakan pelajar di institusi pengajian tinggi.

Soalan temubual dirangka mengikut Model Insentif Umum dan padanan aktiviti sepertimana yang dibincangkan oleh Haute dan Gauja (2015); Marsh (1990); Meer, Deth, dan Scheepers (2009) dan Wauters (2016). Sesi temubual rintis telah diadakan terlebih dahulu bersama seorang pemimpin persatuan di universiti bagi memastikan para informan memahami kehendak soalan dan laras bahasa temubual, selain untuk membiasakan penyelidik dengan sesi temubual sebenar. Berikut adalah soalan temubual yang telah ditanya kepada para informan:

- i. Bentuk sumbangan informan kepada parti yang dirasakan signifikan.
- ii. Perasaan informan apabila melakukan sumbangan tersebut.
- iii. Faktor pendorong informan memilih untuk menyumbang kepada parti.

Sesi temubual telah dirakam dengan persetujuan para informan. Kesemua informan memilih untuk tidak mendedahkan identiti mereka namun tidak keberatan untuk menamakan parti yang mereka sokong. Hal ini tidak

menyalahi etika kajian kualitatif kerana Saunders, Kitzinger, & Kitzinger (2015) telah menyatakan bahawa maklumat peribadi informan seperti nama, maklumat tempat tinggal dan organisasi serta latar belakang mereka dibenarkan untuk ditukar ke status bukan nama sebenar.

### ***Analisis Data***

Bagi memastikan prosedur yang berkredibiliti, mengelakkan berat sebelah, tafsiran yang salah dan penilaian bersifat peribadi, data temubual dianalisis mengikut enam langkah yang digariskan oleh Ritchie, Spencer dan O'Connor (2003). Langkah pertama ialah mentranskripsikan transkrip temu bual ke dalam teks bertulis. Transkrip tersebut kemudian dikod secara manual berdasarkan tema utama dan sub-tema, berdasarkan lapan belas klasifikasi aktiviti politik berintensiti tinggi yang digariskan oleh literatur. Kod-kod tersebut sentiasa dipinda dari masa ke semasa disepanjang proses pengekodan dengan kod baru dicipta apabila tema baharu muncul, dan kod yang dianggap tidak lagi berguna dihapuskan atau digabungkan dengan kod lain. Langkah seterusnya adalah pengesahan skema pengekodan. Ianya diikuti dengan proses inferens dan mengenal pasti hubungan antara tema, menamakan tema-tema tersebut dan membuat rujukan silang analisis bagi mencari persamaan dan perbezaan di antara informan.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka bentuk penyertaan politik yang dipilih oleh aktivis parti belia sepanjang tempoh kempen pilihan raya di samping menganalisa insentif-insentif yang perolehi oleh aktivis belia ini hasil daripada penglibatan aktif mereka dalam politik kepartian.

### ***Partisipasi Media Sosial***

Semua informan mempunyai akaun media sosial termasuk Facebook, X, Instagram, dan Tik Tok. Mereka menyatakan bahawa selain daripada hantaran mengenai kehidupan peribadi, kebanyakan hantaran media sosial mereka adalah berkisar dengan isu politik, penglibatan mereka dalam program parti, dan rakan media sosial mereka kebanyakannya dari kalangan penyokong parti politik yang senada dengan mereka. Ini selaras dengan penemuan Kosiara, Haute dan Scarrow (2025) dan Zamir (2024) yang mendapati pengguna media sosial yang secara terbuka menyatakan sokongan politik dan afiliasi parti dalam media sosial mereka memenuhi ciri-ciri aktivis politik tulen. Mereka tidak merasa bimbang dilihat dengan persepsi negatif, diboikot dan kehilangan rakan sosial ekoran dari afiliasi politik mereka. Lebih menarik lagi, gambar profil mereka juga diafiliasi dengan logo parti politik, pemimpin parti atau cogan kata berkaitan parti. Smeltzer & Keddy (2010) menyatakan bahawa aktivis parti memang dengan niat mendedahkan afiliasi politik mereka bagi menambah kenalan dan jaringan dalam kalangan pengguna media sosial yang mempunyai afiliasi parti yang sama. Dengan membina jaringan kebersamaan afiliasi politik di media sosial, mereka merasakan hegemoni sosial telah dibina, sekaligus mampu mempengaruhi persepsi politik massa, memberi rasa gerun kepada parti lawan dan membina kekuatan moral dalam kalangan aktivis parti tersebut. Informan mendedahkan:

*Informan10: Menggunakan media sosial tidak memerlukan awak menjadi pakar IT. Ia adalah medium kempen yang paling cepat, mudah, murah dan berkesan. Oleh itu, kami memang memanfaatkan medium ini sepenuhnya. Kami menggunakan media sosial sepenuhnya. Kami berkongsi video langsung ceramah, siaran langsung dari Parlimen, dan edit video lain yang diambil dari Jabatan IT PAS. Saya rasa faktor utama PAS menang undi daripada belia adalah kerana penggunaan media sosial kami yang sepenuhnya.*

Dalam kesemua platform media sosial, Tik Tok telah menjadi medium pilihan utama bagi aktivisme siber. Laporan Digital News Report 2021 oleh Institut Kajian Journalistik Reuters di Universiti Oxford mendapati bahawa 51% pengguna media sosial di Malaysia menggunakan Tik Tok untuk mencari, berkongsi atau membincangkan berita dalam minggu tertentu. Ia membolehkan propaganda pilihan raya seperti mesej dan video untuk disebarkan dengan pantas. Tidak seperti Facebook atau Instagram, Tik Tok tidak memerlukan pengguna untuk mengikuti akaun orang lain. Video Tik Tok juga akan secara automatik dikongsi di Facebook, Reels dan Shorts. Informan mengaku bahawa mereka memanfaatkan Tik Tok secara meluas semasa tempoh kempen. Mereka menyatakan:

*Informan 7: Tik Tok lebih mudah diakses, audiens lebih luas. Ia percuma. Kebanyakan video Tik Tok lebih ringkas, pendek dan mudah faham. Tetapi saya perlu cuba mengelakkan video yang membenci, ugutan, menyebarkan fitnah, berita palsu. Kita tak buat benda tu.*

Media sosial juga menyaksikan aktivis parti dari parti politik yang berbeza bertelagah dan mengungkapkan kata-kata kasar kepada satu sama lain hanya untuk mempertahankan tindakan parti dan pimpinan mereka. Debat menjadi lebih buruk apabila mereka mula memburukkan peribadi lawan serta memainkan isu agama dan kaum. Informan bercerita:

*Informan 2: Itu perkara biasa untuk ada perdebatan hangat di media sosial. Saya sendiri akan mempertahankan parti sebaik mungkin apabila Tok Guru kena tuduh, contohnya. Biasanya, saya akan membalas dengan poster grafik dan fakta yang disediakan oleh orang IT PAS. Saya boleh katakan saya perlu belajar sedikit dan memahami isu untuk bercakap dengan lawan. Jika tidak, saya akan dihentam oleh mereka, dan kadang-kadang, jika saya memberi kenyataan yang salah, mereka akan print screen dan bagi kredit kat mereka pula.*

*Informan 8: Saya tidak menafikan bahawa Tik Tok dan WhatsApp banyak membantu parti dalam menyebarkan maklumat dan mempromosikan parti. Bahagian yang saya paling tidak suka adalah apabila perdebatan bermula antara saya dan kawan-kawan serta keluarga yang menyokong PAS. Saya benar-benar tidak mahu terperangkap dalam perdebatan politik yang tidak berkesudahan dan jatuh ke dalam perdebatan yang pasti akan menggunakan kata-kata kasar dan kotor. Saya tidak mempunyai masalah untuk menangkis segala tuduhan daripada rakan-rakan media sosial. Tetapi apabila ia melibatkan rakan-rakan rapat dan keluarga, saya menahan komen saya dan hanya berkata, ikut awaklah.*

Data tembuial menunjukkan informan dari PAS lebih agresif dan kreatif dalam menyampaikan maklumat di media sosial. Tugasan memberi pemahaman kepada pengundi mengenai sesuatu isu yang kompleks seperti campur tangan orang bukan Islam dalam pengurusan Tabung Haji, pengambilan tanah di Kampung Sungai Baru dan kekangan air bersih di Kelantan, memerlukan seorang pakar video dan pereka grafik kerana ianya perlu diterjemah kepada video pendek dan padat, poster elektronik, graf berwarna-warni dan carta yang kontroversi menggunakan laras bahasa orang awam yang mudah difahami. Dua informan mendedahkan:

*Informan 5: Memang ada team, ada yang saya kenal, ada saya tak kenal, kita dapat bahan saja, dan share. Tapi budak-budak muda lah yang edit video, buat dubbing suara, tapi tak de lah susah sangat sebab aplikasi pun percuma saja, guna CapCut, guna Canva.*

*Informan 1: Kena ada banyak akaun, 1 akaun mana cukup. Memang itu biasa. Saya tak tunjukkan siapa saya, akaun saya hanya kongsi banyak-banyak video, dan kita blast lah. Orang tak kenal kita. Akaun rasmi orang kenal lah saya.*

Kesemua informan tidak terlibat dengan kempen secara konvensional serta tidak pernah menghadiri sebarang sesi taklimat kempen bersama pimpinan parti. Mereka mendedahkan:

*Informan 12: Saya pun tak minat nak turun kempen rumah ke rumah, buat ceramah, sebab saya pun ada kuliah. Tapi saya memang sentiasa share video-video yang saya dapat sebab saya faham kenapa kena sokong PAS. Dari kecil saya dah didedahkan dengan gila kuasa UMNO, rasuah, memang di universiti pun kawan-kawan semua berpandangan begitu. Jadi jiwa ke arah nak ada kerajaan yang baik tu, memang saya faham hanya melalui PAS sajalah.*

*Informan 16: Keluarga saya UMNO, dan apa yang Malaysia ada hari ini, atas kemampuan UMNO memerintah. Kita pun tengok, PH pegang sekejap hari tu, habis orang Melayu. Saya terpenggil dari sitausi ni lah, saya tengok saya kena bantu bagi penerangan kepada orang muda, apa yang Malaysia ada hari ini, hasil dari UMNO.*

Nilai dan kepercayaan politik yang dimiliki oleh seseorang membentuk sikap dan cara berfikir mereka, dalam keadaan sedar atau tidak. Nilai dan ideologi politik ini dibentuk oleh pelbagai faktor sosialisasi politik seperti pengaruh keluarga, demografi, rakan-rakan, institusi pendidikan dan pengalaman hidup. Kekuatan afiliasi seseorang dengan sesebuah parti politik menentukan tahap keaktifan dan kesanggupan untuk membantu parti. Pedersen (2024) merumuskan afiliasi parti, keaktifan dalam parti, kesanggupan untuk berkorban demi kemenangan parti dan kesetiaan kepada parti menjadi formula kepada aktivisme politik tanpa dipaksa.

### ***Ideologi sebagai Insentif Utama***

Ideologi parti mengatur perjalanan dan dasar parti politik. Ianya membezakan sesebuah parti dengan parti yang lain, dan menjadi faktor paling asas kepada sokongan terhadap parti tersebut. Ideologi juga membentuk kesatuan sesama ahli walaupun mereka saling tidak mengenali. Kesetiaan kepada parti dikaitkan dengan teguhnyanya pegangan terhadap ideologi parti (Barnfield & Bale, 2022).

Dapatan kajian mendapati informan pro-UMNO menyatakan bahawa mereka terlibat aktif dan membantu kempen pilihanraya UMNO kerana tertarik dengan ideologi UMNO yang melindungi dan memperkasa hak orang Melayu. Ideologi UMNO adalah selari dengan keyakinan politik informan untuk melihat Melayu mendapat layanan selayaknya selaras dengan Perkara 153 dan Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan. Mereka berkongsi:

*Informan 16: Kita merdeka kerana UMNO. Tanpa UMNO, nasib Malaysia berbeza. Di Malaysia, walaupun Melayu adalah majoriti, Cina yang kaya. Mereka menguasai ekonomi kita. Mereka perlahan-lahan mahu menuntut hak mereka. Saya tidak boleh bayangkan jika UMNO tidak wujud, nasib orang Melayu, siapa yang akan memperjuangkan hak kita? Malaysia akan menjadi Singapura. Mungkin rusuhan 13 Mei akan berlaku lagi.*

*Informan 2: Negara ini negara orang Melayu. Kita adalah tuan, ini negara kita. Saya risau melihat kaum lain mula menuntut itu dan ini, mereka minta masuk UiTM, kurangkan kuasa Sultan, menghapuskan DEB.*

*Tanpa UMNO, Malaysia mungkin menjadi negara Kristian. DAP akan memerintah negara. Kita boleh lihat pembangkang sekarang, jelas DAP mengetuai mereka. UMNO sudah cukup baik, kaum lain boleh bekerja dan menikmati banyak perkara di negara ini. Anda lihat, mereka tidak boleh bercakap dalam bahasa Melayu, tidak boleh menulis dalam bahasa Melayu. Saya takut, kita jadi hamba di bumi sendiri.*

Dapatan di atas menunjukkan tiga perbahasan penting. Pertama, penghargaan informan kepada UMNO kerana telah memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Bagi orang awam, sejarah dibaca secara literal. Premis bahawa UMNO telah memperjuangkan kemerdekaan diajar sedari bangku sekolah lagi (Abdul Hamid, 2007). Persepsi bahawa rakyat perlu terhutang budi dengan UMNO telah meningkatkan semangat aktivisme dalam kalangan penyokong UMNO, dan secara tidak langsung merendahkan penyokong parti lain (Mohd Zain et al., 2011). Kedua, penyokong UMNO membayangkan Malaysia perlu diperintah oleh Melayu, dan konsep ketuanan Melayu menjadi asas aktivisme mereka. Dari perspektif orang Melayu, penguasaan parti Cina dianggap sebagai bencana politik, kerana mereka merasakan kawalan politik orang Melayu cuba diambil oleh kaum lain. Cengkaman orang Melayu hanya pada kekuatan politik sementara kaum Cina telah menguasai sektor ekonomi negara.

Orang Melayu tidak hanya tersinggung, tetapi merasa merempat di bumi sendiri melihat orang Cina mendapat manfaat yang luas hasil dari konsolidasi politik (Hamayotsu, 2013). Elit UMNO memanfaatkan ketakutan bahawa hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Islam dalam negara akan terancam sekiranya UMNO kehilangan kuasa, sekaligus memobilisasi sentimen bagi mendapatkan lebih banyak undi orang Melayu. UMNO secara tepat menasarkankan kawasan luar bandar Melayu untuk memanfaatkan situasi ini dan menanamkan ketakutan kehilangan hak istimewa dan kelebihan agama di kalangan Melayu-Muslim (Mohamad, 2010).

Dapatan ketiga menunjukkan kekusaran terbesar orang Melayu dengan dominasi Democratic Action Party (DAP) yang menjadi parti komponen dalam Pakatan Harapan. Naratif kempen UMNO sentiasa menekankan bahawa DAP sebenarnya memandu pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan 2018-2020 dengan menjadikan Perdana Menteri Melayu sebagai proksi. 'Kerajaan DAP' juga dibiayai oleh dana asing pro-liberal seperti Open Society Foundation (Abdul Hamid, 2007), sekaligus cuba menyamaratakan kedudukan semua kaum di Malaysia selaras dengan dasar mereka iaitu Malaysian Malaysia. Naratif dominasi Cina dalam politik Malaysia disokong dengan kemenangan besar DAP dalam Pilihanraya Umum ke-14 apabila parti tersebut memenangi 27 kerusi parlimen (Mohd Hed & Grasso, 2020). Kenyataan Anwar Ibrahim bahawa ketuanan Melayu harus digantikan dengan ketuanan Malaysia, peruntukan tanah kepada sembilan sekolah persendirian Cina oleh Kerajaan negeri Perak di bawah Menteri Besar Mohamad Nizar pada tahun 2008, dan pemberian hak milik tanah kekal kepada sebelas kampung baru yang didiami oleh orang Cina (Moten, 2009) menjadi hujah kukuh yang menyokong aktivisme UMNO dalam pilihanraya.

Sementara itu, semua informan pro-PAS menyatakan bahawa ideologi PAS adalah untuk menubuhkan negara Islam sepertimana yang digariskan oleh al-Quran dan Sunnah telah menjadi tarikan utama aktivisme mereka bersama PAS. Mereka berhujah:

*Informan 7: Matlamat utama kami dalam hidup ini adalah untuk masuk ke syurga, untuk mendapat keberkatan Allah. Allah dengan jelas mengatakan tiada pemisahan antara Islam dan politik. Tiada istilah 'Islam suku, politik suku'. Itu adalah sekular. Itu adalah taghut. Itu yang dilakukan UMNO. Mereka tidak percaya dengan kemampuan Islam dalam memerintah negara. Mereka takut dengan negara Islam. Dalam PAS, Islam adalah rujukan utama. Islam memimpin.*

Verbatim dari aktivis PAS membawa kepada dua perbincangan iaitu aktivisme bersama PAS adalah didorong oleh ideologi PAS yang dilihat serius dan berusaha dalam melaksanakan ajaran al-Quran dan Sunnah dalam negara. Semua informan mampu mensintesis simbiosis antara politik pilihan raya, ibadah, dan mencapai keberkatan Allah. Mereka menyatakan:

*Informan 12: Mendirikan ibadah harian seperti solat lima waktu, membayar zakat dan menunaikan haji adalah agak mudah. Tetapi Islam lebih dari itu. Ia meliputi undang-undang, ekonomi, politik, jenayah dan sistem sosial yang lain. Kita memerlukan negara Islam untuk memastikan semua aspek ini berjalan seperti yang diperintahkan oleh Allah.*

Pemerhatian Singerman (2004) mendapati penyokong gerakan Islam percaya bahawa ajaran Islam perlu dimasukkan dalam semua elemen kehidupan, dan tidak terhad kepada rutin ritual agama sahaja. Kerangka pemahaman ini telah menjadikan mereka bersimpati dengan gerakan Islam yang cuba melawan kerajaan sekular, sekaligus mendorong mereka terlibat aktif dalam aktivisme kepartian Islam. Penglibatan mereka meliputi sumbangan kewangan, masa, tenaga dan sumber, ekoran dari naratif bahawa hanya Islam sebagai solusi kepada segala kekejaman yang berlaku dalam negara. Selain melihat bahawa aktivisme mereka dalam PAS akan diganjar Syurga, mereka secara kolektif percaya bahawa ianya juga boleh menghalang korupsi dan kerosakan yang dilakukan oleh UMNO selama lebih 55 tahun.

### ***Insentif Penyertaan Politik***

Dalam konteks insentif untuk terlibat aktif dalam politik kepartian, sarjana bersetuju bahawa parti politik menawarkan insentif kolektif. Dasar parti, manifesto pilihan raya dan layanan kerajaan Pakatan Harapan kepada orang Melayu ketika mereka memerintah pada penggal 2018-2020 menjadikan aktivis parti merasa terpacu untuk membantu parti secara intensif, iaitu melalui kempen di saluran media sosial (Bale et al., 2019). Gelombang kekecewaan terhadap kerajaan Pakatan Harapan dan kemarahan mengenai penglibatan pimpinan UMNO dalam skandal kewangan 1MDB telah menjadi insentif kepada aktivis belia untuk membantu PAS menjadi kerajaan dengan berkempen bagi pihak parti tersebut. Dalam konteks UMNO pula, kebimbangan orang Melayu bakal hilang keistimewaan sepertimana yang dibuktikan oleh kerajaan Pakatan Harapan dan kegusaran penguasaan luas DAP sekiranya Pakatan Harapan kembali memerintah telah menjadi faktor penolak informan UMNO memilih untuk berkempen bagi pihak UMNO.

Insentif kolektif, bagi Fiorina (2002), jarang berlaku sendiri. Ianya datang bersekali dengan insentif ekspresif. Peluang untuk bertemu dan bermesyuarat bersama pemimpin parti, mengambil gambar bersama mereka, dan memuat naik gambar tersebut di media sosial yang mengundang kekaguman orang sekeliling merupakan pengalaman yang menyeronokkan. Selain itu, menjadi antara orang pertama yang mempunyai maklumat politik sulit seperti tarikh pilihan raya, senarai calon pilihan raya, kemungkinan rombakan kabinet, dan skandal politik melibatkan tokoh-tokoh penting memberi kepuasan kepada aktivis parti untuk terus aktif berpartisipasi, kerana mendapat kepuasan dari kekaguman orang lain mengenai ketepatan 'ramalan politik' dan maklumat politik yang dimiliki. Dikenali sebagai 'orang parti' dan pengikut tokoh-tokoh tertentu menjadikan aktivis merasa diri mereka penting dan bernilai. Rasa puas, populariti dalam kalangan rakan-rakan dan kekerapan berada di program melibatkan tokoh politik digunakan sebagai platform yang meningkatkan nilai diri dan rangkaian sosial. Perkongsian informan seperti:

*Informan 9: Saya boleh katakan, demam akan sembuh apabila saya menyertai program parti [Ketawa]. Apabila saya melakukan kerja parti, edit video, buat dubbing suara, masa berlalu dengan begitu cepat, kadang-kadang sehingga 2-3 pagi. Belum lagi tempoh pilihan raya, ia akan menjadi lebih sibuk tiga kali ganda.*

*Informan 5: Setiap kali saya meletakkan status politik di media sosial, benda biasa lah kalau ada yang setuju atau bangkang. Kita rasa seronok lah kalau ada yang setuju, sokong statement kita, dan rasa puas bila kita boleh lawan hujah lawan. Tetapi hanya dengan membaca komen daripada rakan-rakan saya yang menyokong status saya, ia lebih daripada cukup.*

Pernyataan verbatim di atas menunjukkan terdapat persamaan di antara aktivis parti, apabila mereka mendapat kepuasan emosi yang dikenali sebagai insentif ekspresif apabila membuat kerja parti. Whiteley, (2006) menggambarkan bahawa manusia mendambakan keperluan sosial seperti kasih sayang, penerimaan, penghormatan, rasa dikagumi dan rasa kesatuan, dan motivasi ini boleh didapati apabila mereka berada dalam kelompok parti yang sama. Begitu juga, peluang untuk bergaul dengan tokoh politik dan dikenali oleh pimpinan parti merupakan keistimewaan yang tidak dinikmati oleh semua orang, sekaligus memberi kepuasan kepada mereka. Pemerhatian terhadap akaun media sosial 16 informan menunjukkan bahawa kesemuanya pernah beberapa kali memuat naik gambar peribadi mereka dengan tokoh politik seperti mantan Perdana Menteri Najib Tun Razak, Ketua Penerangan UMNO Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Menteri Besar Terengganu Dr. Samsuri Mokhtar, Presiden PAS Haji Abdul Hadi Awang, dan penceramah selebriti PAS Ustaz Azhar Idrus. Mereka bertemu dengan figura-figura ini semasa mesyuarat parti dan program parti secara tertutup. Gambar-gambar ini mendapat komen positif daripada pengikut media sosial mereka, dengan kebanyakan komen menyatakan rasa cemburu terhadap pertemuan informan dengan tokoh politik terkenal; ada juga yang berharap untuk mendapat peluang yang sama pada masa hadapan.

## **KESIMPULAN**

Bertentangan dengan pendapat umum bahawa insentif utama seseorang individu untuk terlibat dalam aktivisme politik kepartian adalah untuk memperoleh ganjaran material dan jawatan, kajian ini mendapati bahawa insentif utama yang mendorong aktivisme belia dalam parti politik adalah ideologi parti dan kepuasan berekspresi yang mereka terima dengan menyertai dan bergaul bersama individu yang memiliki ideologi serupa. Secara hierarki, aktivis ini berada di peringkat pekerja parti yang bekerja di belakang tabir menggunakan saluran media sosial.

Berbeza dengan aktiviti parti konvensional iaitu berkempen rumah ke rumah, memasang poster dan bendera, serta menghadiri mesyuarat parti, aktivis parti belia memilih membantu parti secara tersusun melalui video pendek, grafik dan menjawab hujah lawan dengan menulis di media sosial. Dipengaruhi oleh latar belakang politik keluarga mereka, aktivis politik belia mendapat kepuasan apabila mampu mengekspresikan afiliasi politik mereka ke ruangan awam melalui saluran media sosial. Insentif utama aktivisme orang muda dari mana-mana parti politik adalah pegangan dan idealisme parti politik tersebut, dan ganjaran material bukan motivasi utama yang mendorong partisipasi mereka dalam politik kepartian. Memanfaatkan kefahaman mengenai aktivisme politik anak muda boleh menjadi pedoman kepada pimpinan parti untuk meladeni tren aktivisme anak muda agar keperluan mereka dipenuhi. Turut difahami bahawa belia tawar hati untuk aktif berpartisipasi apabila parti politik mula tergelincir dari asas ideologi dan sumbangan anak muda dilihat sebagai sekunder.

## PENGHARGAAN

Kajian ini didanai oleh Universiti Sultan Zainal Abidin menerusi Dana Penyelidikan Universiti (UniSZA/2024/DPU2.0/19).

## RUJUKAN

- Abdul Hamid, A. F. (2007). Malay anti-colonialism in British Malaya: A re-appraisal of independence fighters of Peninsular Malaysia. *Journal of Asian and African Studies*, 42(5), 371-398.
- Bale, T., Webb, P., & Poletti, M. (2019). Participating locally and nationally: Explaining the offline and online activism of British party members. *Political Studies*, 67(3), 658-675.
- Barnfield, M., & Bale, T. (2022). 'Leaving the red Tories': Ideology, leaders, and why party members quit. *Party Politics*, 28(1), 3-9.
- Ezani, N. N. A., & Hasan, M. R. (2024). Pendidikan politik: Kajian kes Undi18 pasca Pilihan Raya Umum (PRU15) di kawasan Parlimen P. 108 Shah Alam, Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(4), 1-16.
- Fiorina, M. P. (2002). Parties, participation, and representation in America: Old theories face new realities. In *Political science: The state of the discipline* (pp. 511–541).
- Fisher, J., Fieldhouse, E., & Cutts, D. (2014). Members are not the only fruit: Volunteer activity in British political parties at the 2010 general election. *The British Journal of Politics and International Relations*, 16(1), 75-95.
- Halim, H., Mohamad, B., Dauda, S. A., & Azizan, F. L. (2020). Malaysian Youth Political Participation: A Conceptual Framework and Hypothesis Development. *Talent Development & Excellence*, 12(2).
- Hamayotsu, K. (2013). Towards a more democratic regime and society? The politics of faith and ethnicity in a transitional multi-ethnic Malaysia. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 32(2), 61-88.
- Haute, E., & Gauja, A. (2015). Conclusion: Members and activists of political parties in comparative perspective. In *Party members and activists*. (pp. 267-274). Routledge.
- Jali, M. F. M., Ibrahim, Y., Awal, N. A. M., Sidek, A. H., & Ismail, K. H. (2009). Minat, aspirasi dan sokongan politik belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1(6), 99-116.
- Joni, J., Tajuddin, S. N. A. A., & Bahari, K. A. (2024). Young voices, significant influence: Lowering the voting age and young people's readiness for voting. *Societal Impacts*, 4, 100086.
- Kosiara-Pedersen, K., van Haute, E., & Scarrow, S. E. (2025). Social media partisans vs. party members: Political affiliation in a digital age. *West European Politics*, 1-22.
- Lee, C. (2020). The lowered voting age in Malaysia: Who will benefit?. *Perspective*, 5 (2020), 1-9.
- Nizah, M. A. M., & Sharif, S. M. (2020). Undi 18: Belia dan Politik Konvensional: Undi 18: Youth and Conventional Politics. *Sains Insani*, 5(1), 180-186.

- Noor, K. A. M., & Besar, J. A. (2020). Persepsi terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun: Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-20.
- Marsh, A. (1990). The general model of political action. In *Political Action in Europe and the USA* (pp. 131-146). Palgrave Macmillan UK.
- Mohamad, M. (2010). The authoritarian state and political Islam in Muslim-majority Malaysia. In *Islam and politics in Southeast Asia*. (pp. 65–84). Routledge.
- Mohd Hed, N., & Grasso, M. T. (2020). Age group differences in political activism in Malaysia. *Journal of Youth Studies*, 23(6), 765-779.
- Mohd Zain, M. F., Hamil, J., Mohd Yaakob, M. R., & Abd Razak, M. R. (2011). Pengaruh nasionalisme Melayu mewarnai budaya politik Melayu dalam UMNO. *Jurnal Melayu*, 7, 193-216.
- Moten, A. (2009). 2004 and 2008 general elections in Malaysia: towards a multicultural, bi-party political system?. *Asian Journal of Political Science*, 17(2), 173-194.
- Mulakala. (2021, January 19). *Our predictions for 2021, following a year that defied prediction*. Asia Foundation. <https://asiafoundation.org/2021/01/19/our-predictions-for-2021-following-a-year-that-defied-prediction/>
- Othman, I. W., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). The stages of national education system operation: Issues, rationale, and challenges for the Ministry of Education Malaysia (MOE) in facing post pandemic norms of Covid-19. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(47), 616-638.
- Pedersen, H. H. (2024). Party soldiers on personal platforms? Politicians' personalized use of social media. *Party Politics*, 30(1), 166-178.
- Ritchie, J., Spencer, L., & O'Connor, W. (2013). *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers*. Sage.
- Samsudin, M., & Shaharuddin, S. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2), 116-141.
- Saunders, B., Kitzinger, J., & Kitzinger, C. (2015). Anonymising interview data: Challenges and compromise in practice. *Qualitative research*, 15(5), 616-632.
- Singerman, D. (2004). The networked world of Islamist social movements. In *Islamic activism: A social movement theory approach*. (pp.143-163). Indiana University Press.
- Smeltzer, S., & Keddy, D. (2010). Won't you be my (political) friend? The changing face (book) of socio-political contestation in Malaysia. *Canadian Journal of Development Studies/Revue canadienne d'études du développement*, 30(3-4), 421-440.
- Van der Meer, T. W., Van Deth, J. W., & Scheepers, P. L. (2009). The politicized participant: Ideology and political action in 20 democracies. *Comparative Political Studies*, 42(11), 1426-1457.
- Waikar, P. (2020). Generational divide: How Pakatan Harapan swung the youth vote in GE14. *The Round Table*, 109(2), 155-172.

- Wauters, B. (2018). Which party members participate in direct political action? A cross-national analysis. *International Political Science Review*, 39(2), 225-241.
- Weldon, S. (2006). Downsize my polity? The impact of size on party membership and member activism. *Party Politics*, 12(4), 467-481.
- Whiteley, P. (2006). *Third force politics: Liberal Democrats at the grassroots*. Oxford University Press.
- Whiteley, P., & Seyd, P. (2002). *High-intensity participation: The dynamics of party activism in Britain*. University of Michigan Press.
- Zamir, S. (2024). Explaining online personalized politics: A cross-national comparative analysis of social media consumption of parties and leaders. *Political Studies Review*, 22(1), 108-137.